

Headline	Rawat penagih guna psikologi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	40	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,880
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,640



# Rawat penagih guna psikologi

**Kuala Lumpur** : Majlis AIDS Malaysia (MAC) sedang menjalani proses membangunkan polisi dadah di negara ini dengan menggunakan kaedah pemulihan secara rawatan psikologi seperti yang diguna pakai di Switzerland dan Portugal sebagai langkah membanteras kegiatan itu.

Pengurus Polisinya Fifi Rahman berkata, mekanisme program dari dua negara itu menarik MAC ketika kunjungan bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini berikutan kaedah yang dilaksanakan mengurangkan penggunaan dadah dan kesan kesihatan akibat pengambilan dadah.

“Kami kagum dengan program mereka dan apa yang berlaku terdapat mekanisme membentuk individu merangkumi kesihatan, pekerjaan, kesihatan mental dan segala keperluan untuk menjadi produktif.

“Pakej program mereka sangat komprehensif kerana semua dikendalikan pakar psikiatri dan psikologi

di setiap pusat rawatan dengan kepakaran dalam pelbagai bidang untuk memulihkan penagih,” katanya ketika ditemui di Bengkel Pendedahan Media terhadap isu dadah dan HIV di sini, semalam.

Katanya, melalui kunjungan berkenaan didapati pelbagai kemudahan rawatan ditempatkan untuk merawat penagih mengikut kaedah pemulihan yang bersesuaian merangkumi pusat rawatan HIV, akupunktur, terapi penggantian metadon, rawatan mengandug dan urutan.

Menurutnya, kos rawatan yang digunakan kerajaan negara itu jauh lebih murah berbanding mengenakan hukuman dengan menghantar pesalah ke dalam penjara seperti dilaksanakan kebanyakan negara termasuk Malaysia.

Malah katanya, memenjarakan penagih juga turut memberikan kesan memudaratkan khususnya dari segi jenayah, kesihatan dan keluarga pesalah.

“Sekiranya penagih dimasukkan ke penjara disebabkan penyalahgunaan dadah dan bukannya jenayah lain mereka sudah memiliki rekod jenayah, sekaligus menyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan apabila sukar mendapatkan pekerjaan selepas keluar dari penjara dan mengakibatkan mereka kembali menjadi penagih.

“Jika tiada jalan lebih pragmatik, situasi ini menjadi teruk. Justeru perubahan undang-undang patut diadakan kerana apa yang dilakukan di dua negara itu membantu menurunkan kadar jenayah seperti ragut dan kecurian,” katanya.

Tambah Fifi kaedah ‘kurung’ yang dilaksanakan ke atas pesalah dadah tidak berkesan tanpa disertai rawatan perubatan kerana berdasarkan kajian yang dilakukan pensyarah dari Universiti Malaya mendapati kira-kira 40 peratus penagih mengalami masalah penyakit mental akibat dipenjarakan.

